



Kajian Keberkesanan Program Latihan Kemahiran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz di Pasir Gudang

Wan Ajrul Asward Bin Wan Hashim ^{*1}, Siti Mahani Binti Shaik Ismail²,
Nurhalisa binti Mohd Ali³

^{1,2,3}Unit Pendidikan Berterusan, Kolej Komuniti Pasir Gudang

e-mail: ¹wanajrulasward@kkpg.edu.my, ²sitimahani@kkpg.edu.my,
³nurhalisa@kkpg.edu.my

Abstrak

Program Latihan Kemahiran kepada pelajar tahfiz telah dilaksanakan dibawah Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Kolej Komuniti Pasir Gudang bermula 2020 hingga 2022. Program ini dilaksanakan untuk menyediakan latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar tahfiz. Di samping itu, boleh digunakan untuk menjana pendapatan dan memberi peluang untuk berdikari dalam kehidupan selepas tamat pengajian. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran dalam kalangan pelajar tahfiz di Pasir Gudang. Responden kajian melibatkan seramai 22 orang pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Ansar, 38 orang pelajar Al Maahad Tahfiz Al-Quran Tarbiah Wat Tahfiz dan 20 pelajar Maahad Tahfiz Darul Uloom Asadul Haramain yang telah menyertai Program Latihan Kemahiran di Kolej Komuniti Pasir Gudang bermula April hingga Julai 2022. Reka bentuk kajian dijalankan secara kuantitatif dan dianalisis secara deskriptif untuk mencari kekerapan, peratusan dan nilai min. Hasil kajian mendapati bahawa tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran dalam kalangan pelajar tahfiz berada pada tahap yang tinggi dengan nilai skor 4.37. Program Latihan Kemahiran yang dilaksanakan untuk pelajar tahfiz harus diteruskan dan dikekalkan bagi membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memberi peluang pekerjaan tambahan pada mereka.

Kata kunci— Program Latihan Kemahiran; kemahiran; pengetahuan; pelajar tahfiz

Abstract

The Proficiency Training Program for tahfiz students has been implemented under the Lifelong Learning Unit (PSH) at the Pasir Gudang Community College from 2020 to 2022. This program is implemented to provide training to improve the knowledge and skills of tahfiz students. In addition, it can be used to generate income and provide opportunities to be independent in life after completing the study. This study was conducted to identify the effectiveness of the Proficiency Training Program among tahfiz students in Pasir Gudang. Respondents to the study involved 22 students of Maahad Tahfiz Al-Quran Ansar, 38 students of Al Maahad Tahfiz Al-Quran Tarbiah Wat Tahfiz and 20 students of Maahad Tahfiz Darul Uloom Asadul Haramain who had joined the Proficiency Training Program at the Pasir Gudang Community College starting April until July 2022. The study design was carried out quantitatively and analyzed descriptively to find the frequency, hardness and min. The results of the study found that the level of effectiveness of the Proficiency Training Program among tahfiz students was at a high level with a score of 4.37. The Proficiency Training Program implemented for tahfiz students should be continued and perpetuated to help increase their knowledge and skills and provide them with additional job opportunities.

Keywords— Proficiency Training Program; proficiency; knowledge; tahfiz student

PENDAHULUAN

Program Latihan Kemahiran kepada Pelajar di Institusi Tahfiz dan Pondok (PKTP) telah dirancang oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bermula tahun 2020 hingga sekarang dan dilaksanakan oleh Kolej Komuniti di Malaysia secara berperingkat-peringkat. Pada tahun 2020, pelaksanaan program rintis telah dilaksanakan di Kolej Komuniti Pulau Pinang dengan kerjasama dengan institusi tahfiz dan sekolah pondok di Pulau Pinang. Program ini memberi impak positif kepada mereka dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka. Pada Tahun 2021 dan 2022, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah memperuntukkan 2 juta dan 4 juta bagi pelaksanaan PKTP untuk diagihkan kepada 92 kolej komuniti di seluruh Malaysia. Sasaran bilangan peserta sebanyak 6500 orang peserta pada tahun 2021 manakala sasaran peserta iaitu 12750 orang peserta pada tahun 2022. Tujuan program ini dilaksanakan untuk menyediakan latihan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar tahfiz.

Menurut Norsalim et al., (2021), laluan TVET kini telah terbuka luas dan semakin diterima ramai begitu juga penerimaan dalam kalangan pelajar Tahfiz dan Sekolah Pondok. Secara tidak langsung, ia telah memberi ruang dan peluang kepada mereka memperoleh kemahiran yang dapat digunakan untuk menjana pendapatan. Program Latihan Kemahiran telah dilaksanakan melalui Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dibawah unit PSH di Kolej Komuniti Pasir Gudang bermula 2020 hingga sekarang. Beberapa kluster kursus pendek di bawah PSH iaitu perniagaan dan keusahawanan, jahitan dan pakaian, komputer dan teknologi maklumat, kecantikan dan dan danan, pastri dan bakeri.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif kajian seperti berikut:

A. Objektif Am

Objektif am kajian ini bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tahfiz tentang kepentingan Program Latihan Kemahiran ditawarkan kepada mereka. Ia juga bertujuan memberi peluang pelajar-pelajar tahfiz untuk mendapatkan kemahiran tambahan dalam bidang yang sesuai bagi keperluan pasaran dan membantu memberi pendidikan terbaik kepada golongan yang telah disasarkan. Selain itu, pengetahuan dan kemahiran daripada program Latihan Kemahiran yang mereka perolehi ini akan digunakan untuk menjana pendapatan tambahan diri sendiri, isi rumah dan mempunyai kemahiran yang dapat mengupayakan diri mereka seterusnya meningkatkan taraf kehidupan dan ekonomi negara.

B. Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran di kalangan pelajar tahfiz di Pasir Gudang melalui aspek-aspek berikut:

- i. Pengetahuan pelajar
- ii. Kemahiran pelajar
- iii. Sikap pelajar
- iv. Minat pelajar

1.2 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa tinjauan yang dijalankan bagi mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan Program Latihan Kemahiran dan PISH. Menurut Nornazlina et al. (t.t), kesedaran golongan sasaran terutamanya belia, pelajar maahad, sekolah pondok dan tahfiz terhadap Program Latihan Kemahiran masih berada pada tahap yang rendah. Hasil daripada temubual dan perjumpaan bersama dengan pelajar tahfiz di Pasir Gudang, pengkaji mendapati sebahagian pelajar ini kurang mengetahui Program Latihan Kemahiran ditawarkan pada mereka memberi manfaat atau pun tidak pada mereka. Para pelajar ini kurang kesedaran tentang kepentingan Program Latihan Kemahiran ditawarkan disebabkan maklumat-maklumat yang disampaikan belum diterima

secara menyeluruh di institusi tahfiz dan pondok di Pasir Gudang. Program Latihan Kemahiran ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat untuk memberi latihan kepada golongan sasaran iaitu pelajar tahfiz bagi meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keusahawanan. Nornazlina et al. (t.t), turut mengatakan bahawa kekangan dalam aspek kewangan yang terhad merupakan halangan kepada golongan sasaran sukar untuk melibatkan diri menyertai program PISH. Pada bulan Ogos 2022, peruntukan tambahan sebanyak RM 3 juta akan diberikan sebagai tambahan oleh JPPKK di bawah peruntukan Kumpulan Wang Covid (KWC) untuk pelaksanaan program keusahawanan dan pelajar tahfiz di Kolej Komuniti Malaysia. Oleh itu, pengkaji telah membuat kajian ini bagi mengenal pasti tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran dalam kalangan pelajar tahfiz di Pasir Gudang dan moga memberi kesedaran mengenai kepentingan meningkatkan kemahiran teknikal bagi menghadapi kehidupan yang sempurna di dunia dan akhirat.

Segala skop kajian adalah seperti di bawah:

1. Kajian ini hanya dijalankan seramai 80 responden yang terdiri daripada 22 pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Ansar, 38 pelajar Al Maahad Tahfiz Al-Quran Tarbiah Wat Tahfiz dan 20 pelajar Maahad Tahfiz Darul Uloom Asadul Haramain di Pasir Gudang Haramain yang telah menyertai Program Latihan Kemahiran di Kolej Komuniti Pasir Gudang bermula April hingga Julai 2022.
2. Dapatan hasil kajian ini bergantung kepada analisis soal selidik yang dibangunkan dalam mengenal pasti tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran dijalankan daripada aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat.

Program Latihan Kemahiran di Kolej Komuniti merupakan antara program yang ditawarkan di bawah unit PSH di Kolej Komuniti. Unit PSH adalah sebuah unit yang akan memberi peluang kepada pembangunan profesional dalam masyarakat dan individu. Oleh itu, penyediaan kepada Program Latihan Kemahiran di bawah unit ini adalah merupakan salah satu daripada objektif pelaksanaan PSH iaitu dengan menyediakan latihan bagi meningkatkan kemahiran (up-skilling) dan melatih semula (re-skilling) untuk keperluan tenaga kerja setempat (Noraina et al, t.t)

Menurut Yufiza Mohd Yusof, Siti Saleha Abd Aziz, (2014) dalam kajiannya bertajuk “Pembelajaran Sepanjang Hayat Pencetus Kemahiran Dalam Membangunkan Komuniti” menyatakan bahawa PSH adalah pencetus pengetahuan dan kemahiran tinggi secara holistik dalam membangunkan komuniti Kampung Sungai Sejuk Sungai Siput. Malahan di mana juga kita berada ilmu merupakan tunjang kejayaan kerana dengan memiliki ilmu sesebuah bangsa maju dan sentiasa berdaya saing untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan dunia dan akhirat. Menurut Mohammad Hafeez bin Md Ramli, Ishak bin Mohamad dan Mohd Zainudin bin Mohd Esin (2016) menyatakan bahawa impak PISH fasa pertama dalam membina hubungan dan merapatkan ukhuwah dilihat tercapai dengan peningkatan kolaborasi Kolej Komuniti bersama institusi keagamaan dan jabatan luar.

METODE PENELITIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif dan dianalisis secara deskriptif dalam mencari min bagi mengenal pasti tahap keberkesanan Program Latihan kemahiran berdasarkan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat pelajar. Edaran borang soalan selidik telah diedarkan kepada pelajar tahfiz selepas menyertai Program Latihan Kemahiran bermula April 2022 hingga Julai 2022 di Kolej Komuniti Pasir Gudang.

3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian ini ialah 80 responden yang terdiri daripada 22 pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Ansar, 38 pelajar Al Maahad Tahfiz Al-Quran Tarbiah Wat Tahfiz dan 20 pelajar Maahad Tahfiz Darul Uloom Asadul Haramain di Pasir Gudang.

3.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang telah digunakan untuk mengumpul data ialah borang soal selidik. Borang soal selidik ini mempunyai dua (2) bahagian iaitu Bahagian A yang ini mengandungi maklumat seperti jantina, institusi tahfiz, Program Latihan Kemahiran yang telah dihadiri di analisis menunjukkan peratusan dan kekerapan. Bahagian B mengenai tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran pelajar tahfiz dalam aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat. Borang soal selidik ini mengandungi item soalan menggunakan Skala Likert. Soal selidik jenis Likert ini mengkehendaki responden menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan lima (5) pemeringkatan pilihan iaitu satu (1) - Sangat Tidak Setuju (STS), dua (2) - Tidak Setuju (TS), tiga (3) - Kurang Setuju (KS), empat (4) - Setuju (S) dan lima (5) - Sangat Setuju (SS). Secara keseluruhannya, bilangan item bahagian B seperti jadual 1 adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Bilangan Item dalam soal selidik

Tahap	Keberkesanan Program Latihan Kemahiran daripada aspek	No. Item	Bil. Item
1	Pengetahuan Pelajar	1, 2, 3, 4	4
2	Kemahiran Pelajar	5, 6, 7, 8	4
3	Sikap Pelajar	9,10, 11,12	4
4	Minat Pelajar	13, 14, 15, 16	4

HASIL DAN PEMBAHASAN

Data yang dikumpul dianalisa dengan menggunakan komputer melalui perisian *Statistical Package For Social Sciences (SPSS) For Windows Version 23.0*. Penganalisan data dibuat dengan cara mencari nilai min. Nilai min digunakan untuk mengukur tahap kemahiran, pengetahuan, sikap dan minat terhadap keberkesanan Program Latihan Kemahiran dilaksanakan. Hasil dapatan kajian ini di analisis secara deskriptif untuk mencari nilai min. Jadual 3.3 menunjukkan jadual interpretasi nilai skor min yang dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Tafsiran min ini akan menentukan tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran di kalangan pelajar tahfiz berdasarkan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat.

Jadual 2 : Interpretasi Skala Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 5.00	Tinggi

Sumber: Diadaptasi daripada Wiersma.,(1995)

Dalam analisis ini, pengkaji telah membuat analisis responden terhadap dua (2) bahagian seperti berikut:

- 4.1 Bahagian A : Analisis latar belakang responden
- 4.2 Bahagian B : Analisis item pengetahuan responden
- 4.3 Bahagian B : Analisis Item kemahiran responden
- 4.4 Bahagian B : Analisis Item sikap responden
- 4.5 Bahagian B : Analisis Item minat responden

4.1 Analisis Latar Belakang Responden

Berdasarkan analisis latarbelakang responden bahagian A, bilangan jantina responden terdiri daripada lelaki iaitu 64 orang pelajar tahfiz yang mewakili 80% manakala selebihnya wanita iaitu 16

Latar Belakang Responden	Perkara	Kekerapan	Peratusan (%)
1.Jantina	Lelaki	64	80
	Wanita	16	20
2.Institusi Tahfiz	Mahaad Tahfiz Darul Uloom Asadul Harmaian	20	25
	Mahaad Tahfiz Al Quran Al Ansar	22	27.5
	Al Mahaad Islam Lit Tarbiah Wat Tahfiz	38	47.5
3.Program Latihan Kemahiran yang telah dihadiri oleh pelajar tahfiz di Kolej Komuniti Pasir Gudang	Asas Penjagaan Rambut	46	-
	Video Editing	46	-
	Canva	22	-
	Adobe Photoshop	12	-
	Penghasilan Video Youtube	20	-
	Bouquet Coklat	10	-
	Microsoft PowerPoint	16	-
	Microsoft Word	22	-

orang pelajar yang mewakili 20%. Responden sampel yang terdiri daripada tiga (3) institusi tahfiz di Pasir Gudang iaitu 20 orang pelajar Tahfiz Darul Uloom Asadul Harmaian mewakili 20%, 22 orang pelajar

Kod Item	Item Soalan	Min	Tahap
S1	Saya tahu tentang Program Latihan Kemahiran di Kolej Komuniti Pasir Gudang	4.22	Tinggi
S2	Program Latihan Kemahiran dilaksanakan menambahkan ilmu pengetahuan saya	4.55	Tinggi
S3	Pengetahuan berkaitan Program Latihan kemahiran perlu sebagai asas membuka peluang kerjaya saya	4.24	Tinggi
S4	Program Latihan Kemahiran membantu meningkatkan pengetahuan saya dalam memulakan perniagaan dan mengembangkan perniagaan	4.24	Tinggi
Purata keseluruhan item skor min		4.31	Tinggi

Mahaad Tahfiz Al Quran Al Ansar mewakili 27.5% dan 38 orang pelajar Al Mahaad Islam Lit Tarbiah Wat Tahfiz mewakili 47.5%. Program latihan kemahiran yang telah dihadiri paling tinggi ialah Kursus Asas Rambut dan Kursus Video Editing iaitu 46 kekerapan. Maklumat analisis latarbelakang responden adalah seperti jadual 3.

Jadual 3 : Analisis latar belakang responden

Jadual 4 : Taburan tahap pengetahuan Responden

A. Analisis Item Pengetahuan Responden

Berdasarkan jadual 4, item memperoleh nilai skor min paling tinggi adalah "*Program Latihan Kemahiran dilaksanakan menambahkan ilmu pengetahuan saya*" iaitu 4.55 dan berada pada taksiran min tahap tinggi. Min bagi item "*Saya tahu tentang Program latihan Kemahiran di Kolej Komuniti Pasir Gudang*" iaitu 4.22 dan berada pada taksiran min tahap tinggi. Hasil analisis item soalan bagi purata keseluruhan skor min pengetahuan responden adalah 4.31. Ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden secara keseluruhannya berada pada tahap persetujuan tinggi.

B. Analisis Item Kemahiran Responden

Berdasarkan jadual 5, item memperoleh nilai skor min paling tinggi adalah "*Saya boleh menggunakan dan mempraktikkan kemahiran yang dipelajari*" iaitu 4.41 dan berada pada taksiran min tahap tinggi. Min bagi item "*Saya boleh menjadikan kemahiran dipelajari sebagai sumber pendapatan dan peluang kerjaya*" iaitu 4.31 dan berada pada taksiran min tahap tinggi. Hasil analisis item soalan bagi

purata keseluruhan skor min kemahiran responden adalah 4.37. Ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran responden secara keseluruhannya berada pada tahap persetujuan tinggi.

Jadual 5 : Taburan tahap kemahiran Responden

Kod Item	Item Soalan	Min	Tahap
S5	Saya boleh menggunakan dan mempratikkan kemahiran yang dipelajari	4.41	Tinggi
S6	Saya boleh berkongsi kemahiran dipelajari bersama rakan-rakan	4.36	Tinggi
S7	Saya boleh menjadikan kemahiran yang telah dipelajari sebagai sumber pendapatan dan peluang kerjaya	4.31	Tinggi
S8	Program Latihan Kemahiran yang diikuti menjadi satu nilai tambah dalam kemahiran sedia ada	4.38	Tinggi
Purata keseluruhan item skor min		4.37	Tinggi

C. Analisis Item Min Sikap Responden

Berdasarkan jadual 6, item memperoleh nilai skor min paling tinggi adalah “*Program Latihan Kemahiran meningkatkan motivasi saya untuk terus menimba ilmu*” iaitu 4.45 dan berada pada taksiran min tahap tinggi. Min bagi item “*Progam Latihan Kemahiran membantu saya bersosial bersama rakan-rakan dan tenaga pengajar*” iaitu 4.34 dan berada pada taksiran min tahap tinggi. Hasil analisis item soalan bagi purata keseluruhan skor min sikap responden adalah 4.39. Ini menunjukkan bahawa tahap sikap responden secara keseluruhannya berada pada tahap persetujuan tinggi.

Jadual 6 : Taburan tahap sikap responden

KOD ITEM	ITEM SOALAN	MIN	TAHAP
S9	Program Latihan Kemahiran meningkatkan motivasi saya untuk terus menimba ilmu	4.45	Tinggi
S10	Program Latihan Kemahiran membantu saya bersosial bersama rakan-rakan dan tenaga pengajar	4.34	Tinggi
S11	Program Latihan Kemahiran memberi kesedaran pada saya tentang kepentingan kemahiran disamping ilmu akhirat	4.36	Tinggi
S12	Program Latihan Kemahiran menyebabkan berlaku perubahan sikap saya untuk belajar sesuatu yang baru	4.39	Tinggi
Purata keseluruhan item skor min		4.39	Tinggi

D. Analisis Item Minat Responden

Berdasarkan jadual 7, item memperoleh nilai skor min paling tinggi adalah “*Program Latihan Kemahiran ditawarkan oleh Kolej Komuniti Pasir Gudang menarik minat saya menambahkan kemahiran*” iaitu 4.51 dan berada pada taksiran min tahap tinggi. Min bagi item “*Progam Latihan Kemahiran yang dihadiri membolehkan meneganaipasti minat dan kecenderungan saya* ” iaitu 4.31 dan berada pada taksiran min tahap tinggi. Hasil analisis soalan item soalan bagi purata keseluruhan skor min kemahiran responden adalah 4.41. Ini menunjukkan tahap minat responden secara keseluruhannya berada pada tahap persetujuan tinggi.

Jadual 7: Taburan tahap minat responden

KOD ITEM	ITEM SOALAN	MIN	TAHAP
S13	Saya ingin meneruskan Progam Latihan Kemahiran di Kolej Komuniti Pasir Gudang	4.46	Tinggi

S14	Program Latihan Kemahiran ditawarkan oleh Kolej Komuniti Pasir Gudang menarik minat saya untuk menambahkan kemahiran	4.51	Tinggi
S15	Program Latihan Kemahiran memberi kesedaran dan pendedahan pada saya berkenaan ilmu kemahiran	4.37	Tinggi
S16	Program Latihan Kemahiran yang dihadiri membolehkan mengenalpasti minat dan kecenderungan saya	4.31	Tinggi
Purata keseluruhan item skor min		4.41	Tinggi

E. Analisis Item Tahap Keberkesanan Program Latihan Kemahiran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Daripada Aspek Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Minat

Secara keseluruhan, pengkaji mendapati tahap keberkesanaan Program Latihan Kemahiran pelajar tahfiz daripada aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat berada pada tahap tafsiran min tinggi sebanyak 4.37.

Jadual 8 : Taburan tahap pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat responden

Bil	Item tahap kesediaan	Min	Tahap
1	Pengetahuan pelajar	4.31	Tinggi
2	Kemahiran Pelajar	4.37	Tinggi
3	Sikap Pelajar	4.39	Tinggi
4	Minat Pelajar	4.41	Tinggi
Purata keseluruhan skor min		4.37	Tinggi

F. Tahap Keberkesanan Program Latihan Kemahiran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Daripada Aspek Pengetahuan

Setelah dianalisis, tahap keberkesanan Program latihan Kemahiran dalam kalangan pelajar tahfiz berdasarkan skor purata min pengetahuan secara keseluruhannya berada pada tahap persetujuan tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap keberkesanan program latihan kemahiran telah tercapai dilaksanakan bagi membantu dalam meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar tahfiz. Pengkaji mencadangkan Program Latihan Kemahiran diteruskan dan dikekalkan supaya menjadi salah satu ilmu pengetahuan tambahan untuk digunakan membantu pelajar tahfiz mengembangkan peluang kerjaya dan asas dalam memulakan perniagaan serta mengembangkan perniagaan.

E. Tahap Keberkesanan Program Latihan Kemahiran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Daripada Aspek Kemahiran

Setelah dianalisis, tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran dalam kalangan pelajar tahfiz berdasarkan skor purata min kemahiran secara keseluruhannya berada pada tahap persetujuan tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran dilaksanakan telah tercapai dalam membantu meningkatkan kemahiran pelajar tahfiz. Potensi ilmu kemahiran pelajar tahfiz dapat diterokai dan dikembangkan apabila mereka hadir dalam Program Latihan Kemahiran dan mereka boleh mempraktikkan kemahiran yang dipelajari ini untuk diri sendiri atau suatu kerjaya sebagai sumber pendapatan. Pengkaji mencadangkan program latihan kemahiran yang dijalankan lebih tersusun dan rapi mengikut keperluan industri serta boleh menjadi sumber pendapatan tambahan mereka pada masa akan datang.

F. Tahap Keberkesanan Program Latihan Kemahiran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Daripada Aspek Sikap

Setelah dianalisis, tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran dalam kalangan pelajar tahfiz berdasarkan skor purata min sikap secara keseluruhannya berada pada tahap persetujuan tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran dilaksanakan telah tercapai dalam membantu membentuk sikap pelajar tahfiz. Tenaga pengajar yang melaksanakan program latihan kemahiran ini telah menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan kursus kemahiran serta nilai-nilai positif yang patut ada pada seseorang pekerja yang berdisiplin. Pengkaji mencadangkan, tenaga pengajar boleh memberi ilmu pengetahuan tambahan lain selain daripada ilmu kemahiran teknikal iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran keyakinan diri dan lain-lain kemahiran soft skill yang sesuai. Ini juga dapat membentuk sikap yang positif dan motivasi yang tinggi kepada pelajar tahfiz yang telah hadir dalam program latihan kemahiran.

G. Tahap Keberkesanan Program Latihan Kemahiran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Daripada Aspek Minat

Setelah dianalisis, tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran dalam kalangan pelajar tahfiz berdasarkan skor purata min minat secara keseluruhannya berada pada tahap persetujuan tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran yang dilaksanakan telah tercapai bagi membantu dalam mendorong minat pelajar tahfiz. Setelah pelajar tahfiz mengikuti program latihan kemahiran, pengkaji dapat melihat kecenderungan dan minat dalam kursus kemahiran yang disertai dan mengetahui minat dan bakat mereka yang belum diterokai sepenuhnya. Pelajar-pelajar ini mempunyai minat dalam bidang-bidang kemahiran yang tertentu yang membolehkan mereka meneroka lebih jauh lagi jika program latihan kemahiran diteruskan dan mendapat manfaat kepada diri mereka. Pengkaji mencadangkan, program latihan kemahiran pada masa akan datang ini laksanakan mengikut keperluan bidang kemahiran semasa yang menjadi permintaan dan keperluan pihak industri.

SIMPULAN

Kesimpulanya, hasil kajian menunjukkan tahap keberkesanan Program Latihan kemahiran di kalangan pelajar tahfiz di Pasir Gudang daripada aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat berdasarkan purata skor min keseluruhannya adalah berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan keberkesanan program latihan kemahiran dilaksanakan oleh Kolej Komuniti Pasir Gudang telah mencapai objektif di sasaran dalam membantu pelajar tahfiz memberi nilai tambah daripada segi pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat mereka. Program Latihan Kemahiran yang telah dilaksanakan untuk pelajar-pelajar tahfiz harus diteruskan dan dikekalkan bagi membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memberi peluang pekerjaan tambahan dan sumber pendapatan tambahan pada mereka.

DAFTAR PUSTAKA

- [1] Mohammad Hafeez Md. Ramli, Ishak bin Mohamad & Mohd Zainudin bin Mohd Esin. 2016. Impak Pelaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi Bagi Fasa Pertama 2014-2015. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti.
 - [2]Nornazlina, Wan Marina, & Roswani. (t.t). *Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH): Memperkasakan Ummah Dan Ekonomi Negara*. <https://dokumen.tips/f/program-Pendidikan-islam-sepanjang-hayat-pish->
 - [3]Norsalim, P. M. N., Akbarruddin, M. N. A., Abdul Basir, N. S., Muda, W. H. N. W., & Jeinie, M. H. (2021). Challenges in Establishing Vocational Skills in Tahfiz Curriculum at
-

- Malaysian Tahfiz Centre. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11(16). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i16/11217>
- [4]Noraina, Sarah, Firdaus, Elmiza & Roswani. (t.t). Garis Panduan: Pelaksanaan Program PSH di Kolej Komuniti [Edisi 2017]. <https://www.mypolycc.edu.my/index.php/muat-turun/garis-panduan-c/bahagian-kurikulum/download/12-bk/65-garis-panduan-pelaksanaan-program-psh-di-kolej-komuniti>
- [5]Yufiza Mohd Yusof, Siti Saleha Abd Aziz. (2014). Pembelajaran Sepanjang Hayat Pencetus Kemahiran Dalam Membangunkan Komuniti.
- [6]Yufiza Mohd Yusof, Siti Saleha Abd Aziz dan Zamaruzaman Mohamad. (2016). Pelaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia. Kolej Komuniti Batu Gajah
- [7]Wiersma, W. (1985). *Research methods in education: An introduction* (No. LB 1028. W531985)